



Antara yang hadir pada Wacana Manuskrip ATMA di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. [FOTO AZIAH AZMEE /BH]

Penulisan kitab serlah kealiman ulama

» *Tarjuman al-Mustafid karya Sheikh Abdul Rauf Singkili diiktiraf tafsir Melayu pertama*

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bh.com.my

Kebijaksanaan dan kealiman ulama alam Melayu, Sheikh Abdul Rauf Al-Singkili terserlah dalam penulisan kitab pentingnya termasuk *Tarjuman al-Mustafid* yang diiktiraf sebagai karya tafsir Melayu pertama.

Kehadiran kitab tafsir itu bertepatan dengan suasana ketika beliau menjadi Mufti Kerajaan Aceh Darussalam apabila wujudnya kekeliruan tafsir yang salah daripada golongan sesat dan sikap agresif mufti sebelumnya, Sheikh Nuruddin al-Raniri.

Hal itu disorot pada Wacana Manuskrip Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA): *Tarjuman Al-Mustafid Tafsir Sheikh Abdul Rauf Al-Singkili, Murshid Tarekat Shattariyyah Alam Melayu* di ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, baru-baru ini.

Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Fakulti Pengajian Islam (FPI) UKM, Dr Wan Nasyrudin Wan Abdullah, berkata karya tafsir itu dihasilkan oleh Sheikh Abdul Rauf dengan bantuan muridnya, Sheikh Baba Dawud Ismail pada abad ke-17 Masihi.

Pedoman kehidupan beragama

"Tujuan penulisan *Tarjuman al-Mustafid* adalah untuk dijadikan pedoman kehidupan beragama masyarakat Melayu sehingga ia terserlah kepada cara penulisan yang berfokus tanpa memasukkan

persoalan lain yang tidak berkait.

"Menjadi kebiasaan pengarang berkarya berdasarkan kecenderungan atau pengalaman lampau, tetapi ia tidak berlaku dalam *Tarjuman al-Mustafid*," katanya pada wacana yang dipengerusikan oleh Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM), ATMA UKM, Prof Madya Dr Mohd Syukri Yeoh Abdullah.

Wan Nasyrudin berkata, pengalaman berguru dengan guru beraliran tarikat tidak tampak dalam *Tarjuman al-Mustafid* sehingga kedudukannya sebagai khalifah Tarikat Syattariah sedikit pun tidak mempengaruhi persembahan data atau olahan.

"Ini selaras dengan faktor mendorong penulisan kitab kerana masyarakat Aceh ketika itu, sangat berhajat kepada bahan rujukan agama yang berbahasa Melayu.

"Ini disebabkan wujudnya kecelaruan masyarakat yang disebabkan oleh tafsiran secara batin oleh sebahagian golongan Wahdatul Wujud, manakala golongan salik buta pula menafsirkan al-Quran menurut selera.

"Demikian juga sikap agresif Sheikh Nuruddin al-Raniri yang membawa kepada pertumpahan darah, khususnya dalam kalangan orang awam sehingga semua faktor itu meningkatkan lagi keperluan masyarakat kepada tafsir berbahasa Melayu," katanya.

Wujudkan zawayah, hasilkan banyak karya

Beliau berkata, meskipun Sheikh Abdul Rauf tidak menyentuh polemik yang berlaku pada zamannya dalam tafsir berkenaan, ulama itu menghasilkan kitab lain untuk isu seperti

kedudukan wanita sebagai sultanah dan polemik Wujudiyah.

"Ia terbukti dengan peranan optimum dimainkannya sebagai Qadi al-Malik al-Adil selama 28 tahun di bawah pemerintahan empat Sultanah dan peluang itu turut digunakan untuk mewujudkan zawayahnya serta menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bidang.

"Kemasyhuran dan kebijaksanaan Sheikh Abdul Rauf turut diakui oleh sarjana Barat seperti J Kreamer dan menjadi contoh pepatah petiti masyarakat Aceh sepanjang zaman, *Adat Bak Po Teumeureuhom, Hukum Bak Syiah Kuala*," katanya.

Dalam pembentangan itu, Wan Nasyrudin mengemukakan data tafsir dalam *Tarjuman al-Mustafid* dan memperbetulkan rumusan sarjana sebelum ini yang menganggap ia terjemahan Tafsir al-Baydawi.

Beliau sebaliknya menegaskan kitab itu lebih sesuai dianggap sebagai terjemahan *Tafsir al-Jalalayn* kerana banyak merujuk kepada tafsir berkenaan berbanding *Tafsir al-Baydawi*, *al-Khazin*, *al-Tha'labi*, *al-Baghawi*, *al-Kalbi*, *al-Tabari* dan *Manafi' al-Quran*.



Wan Nasyrudin Wan Abdullah



MEW BAH
Dr Nor Hisham Osman

Pensyarah
Jabatan Linguistik
Aka
Pengajian Me
Universiti M

Jurujuar: Ha' di atas! Nak ca
Pelanggan: T

Jurujuar: Yan
Pelanggan: J

Jurujuar: Ap
Pelanggan: k

Jurujuar: Oo
mana? Akak
dah pilih, yan
Pelanggan: k

Jurujuar: Ta
yang mana b
Pelanggan: k

Jurujuar: Ka
mana nak co
tudung yang
jenis apa? Sa
Pelanggan: k

Jurujuar: O
tudung. Aka
Pelanggan: k

Jurujuar: T

